

Newspaper	Berita Harian
Date	24 August 2015

PM komited pastikan Perlis terus maju

BH - 24/8/2015

Kangar: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau komited meneruskan pembangunan di negeri Perlis.

Katanya, beliau akan memberi peruntukan pembangunan beberapa projek di negeri itu antaranya Kawasan Perindustrian Lembah Chuping bernilai RM800 juta dan Perlis Inland Port yang bernilai RM200 juta.

Katanya, beliau meluluskan pembinaan Hospital Padang Besar, serta sebuah sekolah menengah di Kangar dan sebuah sekolah rendah di Pa-

dang Besar.

UTC di Kangar

“Terbaru UTC (Pusat Transformasi Bandar) di Kangar akan dibina dan dijangka siap pada tahun hadapan. Percayalah komitmen saya untuk parti dan untuk negara tidak pernah luntur,” katanya ketika perasmian berkelompok persidangan perwakilan UMNO Bahagian Padang Besar, Kangar dan Arau di Dewan Wawasan 2020, di sini, semalam.

Najib yang juga Presiden UMNO berkata, walaupun Perlis adalah negeri kecil, tum-

puan terhadapnya tetap ada, termasuk dari segi politik.

“Rekod menang 100 peratus Parlimen. DUN (Dewan Undangan Negeri) kalah dua (kerusi). Rekod Perlis cemerlang dari segi politik, kena kekal,” katanya.

Beliau berkata, UMNO Perlis perlu bersatu padu bagi mengekalkan rekod cemerlang itu.

“Saya cuba bentuk pasukan lebih hebat daripada Barcelona, Real Madrid.

“Pengerusinya (pengerusi badan perhubungan UMNO negeri) adalah seorang men-

teri. Menteri yang berani.

“Pentadbiran kita lantik, seorang PTD (Pegawai Tadbir dan Diplomatik) yang mahir dan boleh terajui kepimpinan Perlis dengan baik. Saya tengok Ketua UMNO Bahagian Padang Besar tak ada jawatan, Datuk Zahidi (Datuk Zahidi Zainul Abidin) saya lantik jadi Pengerusi RISDA.

“Hangpa bertiga ni...pakatlah. Saya sudah bagi *role* (tugas), sudah ada semua. Jangan *score* (jaring) gol sendiri, musuhlah menang. Yang penting UMNO menang,” katanya.

BERNAMA